

# Pasar terbakar ada unsur khianat?

Bomba buat siasatan menyeluruh termasuk gunakan khidmat K9 bagi mencari bahan bukti

KHAIROLKHEIZA MOHD NAJIB &  
SYAMILAH ZULKIFLI

SEREMBAN - Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Sembilan membuat siasatan menyeluruh berhubung kebakaran di Pasar Besar Seremban di Jalan Tun Dr Ismail, di sini, malam kelmarin.

Pengaruhnya, Norazam Khamis berkata, pihaknya menggunakan khidmat Unit K9 dari Kuala Lumpur bagi mengenal pasti punca kebakaran.

"Kita hendak siasat dari segi unsur khianat. Pertama kita kena tengok itu dulu. Kalau benda itu jelas, OKlah. Sebab itu, kita tidak benarkan peniaga naik ke atas buat masa ini sebab tidak mahu mereka mencemari bahan

**INFO** ● Peniaga menerima bantuan sebanyak RM1,000 setiap seorang selain MPS akan pasang khemah sementara di parkir untuk peniaga berniaga sementara

bukti yang ada," katanya.

Menurutnya, peniaga hanya dibolehkan ke tingkat atas sekitar jam 1 petang semalam untuk mengambil barang yang masih boleh digunakan.

"Kira-kira 99 peratus lot niaga di tingkat atas terbakar, kecuali di sebelah hujung. Lebih kurang 10 lot niaga menjual pakaian yang terselamat," katanya ketika berada di lokasi terbabit, di



Kebakaran memusnahkan 197 lot kedai turut menyebabkan peniaga hilang punca pendapatan.

sini, semalam.

Sejurus selepas kejadian malam kelmarin, Norazam berkata, pihaknya mengesyaki kejadian itu berlaku lebih

awal berbanding maklumat diterima sekitar 7.36 petang.

"Bomba ambil masa enam minit untuk sampai ke lokasi. Pada waktu itu, api

telah marak pada bahagian atas.

"Sebab itu kita syak kejadian berlaku setengah jam lebih awal, tapi lambat

terima maklumat," katanya.

Dalam kejadian kira-kira 7.30 malam kelmarin, bangunan di bawah seliaan Majlis Perbandaran Seremban (MPS) yang dibina sejak 1975 itu musnah dalam kebakaran.

Keseluruhan ruang di tingkat satu yang dianggarkan berkeluasan lebih kurang 182 meter panjang dan 60 meter lebar musnah sepenuhnya.

Kira-kira 197 lot gerai menjadi mangsa, di mana 99 daripadanya adalah kedai makan, selain 58 kedai buah, 16 kedai ikan borong, 14 kedai tofu dan 10 lagi kedai bunga.

Enam jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat Seremban, Seremban 2 dan Senawang dengan kekuatan 40 anggota diperlukan untuk menanganinya.

NOVA 11/11

11/11

11/11